

Qalam

Bilangan 60- Dhūlqa‘idah 1374- Julai 1955- 60 sen

Siapakah yang Berkuasa?

Pertanyaan: Siapa yang berkuasa di dalam pemerintahan Singapura ini sudah tidak asing lagi dengan terbitnya pemogokan dan huru-hara (rusuhan yang berlaku) baharu-baharu ini. Pertanyaan itu adalah sangat sukar mendapat jawapan, jika melihat kepada keadaan-keadaan yang berlaku, yang berjalan dan terjadi di sini.

Pemogokan dan rusuhan yang terbit baharu-baharu ini adalah menjadi suatu keterangan mengapa pertanyaan itu terbit. Suatu pemogokan yang berlaku latar belakangnya sudah dapat dilihat dengan terang. Latar belakang itu tidak lain daripada orang-orang jahat (persekutuan sulit) yang mengugut pekerja-pekerja itu dengan ugutan-ugutan yang keras, sehingga boleh membinasakan jiwanya, jika mereka enggan mengikut kemahuan mereka.

Dengan ugutan-ugutan yang demikian, yang nampaknya kerap kali dibuktikan oleh mereka maka orang-orang yang suka aman dan damai, yang mencari kerana sesuap pagi dan petang, terpaksa mengikut dan tertakluk kepada ugutan-ugutan itu sekalipun banyak daripada mereka itu yang mengeluh disebabkan oleh periuk nasi mereka terpaksa kosong. Anak mereka menangis kerana kepayahan-kepayahan hidup yang diderita mereka kerana mengikut sesuatu kehendak yang berlawanan dengan jiwa mereka.

Bencana-bencana yang terbit daripada keadaan ini sudah terang bukannya sahaja kepada diri orang itu tetapi juga kepada

keselamatan dan kesejahteraan orang ramai dan kerana itulah terbit pertanyaan yang demikian daripada orang ramai disebabkan nampaknya kerajaan seolah-olah tidak berupaya menghadapi dan membersihkan anasir-anasir pengacau hidup yang bermaharajalela di negeri ini- yang lain dengan cara yang terlampau lembut oleh kerajaan.

Dengan kepercayaan kepada kuasa di tangan kerajaan sudah tentu kuat kuasa yang penuh yang ada kepadanya mesti dijalankan untuk membersihkan anasir-anasir yang serupa itu. Kerajaan mesti membuat kuatkuasa tangan besi di atas mereka kerana sekiranya tidak dibuat maka orang-orang umum akan berpendapat bahawa kerajaan tidak mempunyai kekuasaan yang berkuasa ialah pihak-pihak pengacau jua.

* * *

Berhati-hatilah!

Pilihanraya Persekutuan Tanah Melayu akan diadakan pada 27 Julai yang akan datang. Banyak calon-calon daripada berbagai-bagai pertubuhan dan parti bebas telah dikemukakan.

Dengan adanya calon-calon itu maka “perang ucapan” sudah mulai berlaku terutamanya oleh masing-masing pihak yang berhajat hendak memikat hati rakyat.

Pengundi-pengundi yang berhak mengundi di Persekutuan Tanah Melayu itu adalah pada umumnya dikuasai oleh bangsa Melayu, dikecualikan pada satu tempat di Perak (Ipoh-Mengelembu) sahaja yang orang-orang Melayu tidak ada harapan boleh menang.

Melihat kepada besar ertinya pilihanraya itu untuk menjalankan pertadbiran di Persekutuan Tanah Melayu pada masa yang akan datang maka sudah pada tempatnya bagi orang-orang Melayu berhati-hati dan bercermat dengan bersungguh-sungguh tatkala memberikan undinya, dan kita hanya mengesyorkan supaya pengundi-pengundi Melayu itu berjaga-jaga benar supaya undiannya jangan dapat dibeli oleh bangsa-bangsa lain.

Kita meminta dan mengesyorkan kepada pengundi-pengundi di Persekutuan Tanah Melayu ini supaya mengundi calon-calon